

## **BAB 3**

### **PEMBANGUNAN EKONOMI JOHOR-RIAU DAN PERANANNYA MEMARTABATKAN BANGSA MELAYU.**

#### **LATAR BELAKANG PERDAGANGAN KERAJAAN JOHOR-RIAU.**

Kerajaan Melayu Johor-Riau (KMJ-R) tegak selepas kejatuhan kerajaan Melaka. Kerajaan Johor telah meneruskan kelangsungan satu peradaban Melayu yang berdaulat dan memikul objektif ekonomi dan politik orang Melayu pada waktu itu. Kehebatan Melaka dalam pelbagai bidang pada masa keagungannya memberi satu kelebihan kepada kerajaan Johor untuk meneruskan keagungan itu.<sup>1</sup>

Secara umumnya pelabuhan KMJ-R terbahagi kepada dua peringkat iaitu di sepanjang Sungai Johor (termasuklah Kota Johor Lama serta Panchor) dan di Riau. Sehingga tahun 1718, semua aktiviti perdagangan dan pelabuhan berkisar di sepanjang sungai Johor. Ini terbukti dengan catatan pada tahun 1703, mencatatkan Johor Lama terdapat kemudahan yang tidak terdapat di Panchor yang merupakan ibu kota pada masa itu. Antara kemudahan yang terdapat di pelabuhan Johor Lama termasuklah membaiki kapal. Manakala kelebihan pelabuhan Panchor pula dikatakan didatangi oleh lapan hingga sepuluh buah tongkang Cina setiap tahun. Manakala selepas tahun 1718 pula, iaitu semasa era Raja Kecil dan selepasnya, pelabuhan-pelabuhanya berkisar di Riau.

---

<sup>1</sup> Hamid Abdullah, 1984. "Melaka sebagai Lambang Keagungan Nusantara: Pandangan dari Luar Tanah Melayu" dalam Abdul Latif Abu Bakar, (Penyelengara). *Sejarah di Selat Melaka*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, hlm. 1 & 2; Shafie Abu Bakar, 1984. " Melaka sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu" dalam Abdul Latif Abu Bakar, (Penyelengara). *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 13-27.

Kepesatan aktiviti perdagangan di Riau pula dapat dibuktikan melalui laporan Belanda menyebut pada tahun 1687, kebanyakan sungai-sungai di pelabuhan Riau sibuk dengan kapal-kapal perdagangan. Antara barang yang diperdagangkan termasuklah bijih timah, kain dan lada hitam yang dibawa masuk dari Jambi. Manakala emas pula dibawa dari Inragiri. Semua hasil barang dagangan ini akan dibeli oleh asing seperti pedagang Inggeris, Siam, Patani dan Cina.<sup>2</sup>

Walaupun KMJ-R tidak banyak menghasilkan produk ekonomi, namun pelabuhannya sentiasa sibuk dengan kehadiran pedagang-pedagang asing. Para pedagang tertarik kepada Johor oleh kerana kemampuannya menyediakan pelbagai infrastruktur perdagangan, peluang dan pasaran yang baik bagi barang-barang dagangan. Belanda sendiri pernah mengakui bahawa Johor telah berjaya memajukan sektor perdagangannya dengan baik.<sup>3</sup> Secara tidak langsung kuasa barat mengakui kehebatan dan kemampuan orang Melayu mengendalikan perdagangan dengan corak dan cara tersendiri. Sehubungan itu, kebolehan pembesar Melayu dalam Majlis Orang Kaya (MOK) mengurus dan menjaga kepentingan pedagang turut menjadi faktor penarik dan penggalak perdagangan luar.<sup>4</sup>

Corak pengendalian perdagangan Melaka banyak mempengaruhi kegiatan perdagangan di Johor. Saudagar-saudagar dari pelabuhan China, India dan Arab masih

---

<sup>2</sup> Leonard Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Shamsuddin Jaafar (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 171.

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm. 50.

<sup>4</sup> Melalui cara mendapatkan naungan daripada seorang tokoh penting dalam kerajaan itu, pedagang dari Johor ataupun pedagang luar mudah mendapat pas kebenaran daripada Belanda untuk berdagang di Melaka, Aceh, Perak atau Kedah. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 53.

menjadi pelawat bermusim yang bergantung pada angin monsun. Keaktifan perdagangan juga dapat disaksikan di zaman Johor apabila pedagang mula beralih ke pelabuhan Johor selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Keyakinan pedagang kepada Johor juga tinggi apabila Johor juga berpotensi sama seperti Melaka. Bukan sahaja lokasi pelabuhannya yang hampir dengan laluan kapal tetapi juga hasil-hasil rempah kepulauan sekitarnya memberi satu kelebihan. Lebih meyakinkan pedagang apabila KMJ-R sendiri adalah warisan dari Melaka.<sup>5</sup>

Selain itu Johor telah berjaya menggunakan khidmat dan sokongan Orang Laut dalam menjaga keamanan perairan dan mengawal lalu lintas. Melaka sebelum ini pun bergantung kepada kekuatan mereka menguruskan perdagangan.<sup>6</sup> Malah konsep taat setia mereka begitu mendalam kepada raja berketurunan Melaka dari Palembang yang memerintah Johor. Mereka bertindak selaku tenaga pengimbang yang berkesan kepada kekuatan golongan Orang Kaya dan seterusnya kerajaan Johor itu sendiri.<sup>7</sup>

KMJ-R berusaha memartabatkan bangsa Melayu sebagai bangsa berperadaban tinggi. Keunggulan dalam bidang ekonomi, memberi satu kebanggan kepada Johor-Riau untuk terus mendaulatkan bangsa Melayu yang pernah menguasai bidang perdagangan rantau ini sebelumnya. Dengan kata lain, Johor harus mendokong objektif mengekalkan

---

<sup>5</sup> L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 53.

<sup>6</sup> OL ini menjalani kehidupan mereka dengan melakukan rompakan di laut dan mengumpulkan hasil-hasil seperti mengutip trepang, mengumpul tumbuhan laut seperti agar-agar dan sagu, dan kulit penyu untuk perdagangan dengan Cina dan mengumpulkan hasil-hasil hutan dan membuat tikar kajang untuk perdagangan kepulauan. Abdul Latiff Abu Bakar, (Penyelengara), 1984. *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 76.

<sup>7</sup> Orang Laut juga bertindak sebagai pendayung dan pejuang dalam angkatan perang, pengawal Selat Melaka dan Singapura. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 66.

dominasi orang Melayu dalam perdagangan di rantau ini seterusnya mengangkat peradaban Melayu.

## **PERKEMBANGAN PERDAGANGAN JOHOR ABAD KE 16 DAN 17**

Andaya dalam kajiannya mengenai pembangunan ekonomi dan politik Johor menjelaskan, kedatangan kuasa barat ke rantau ini ada kaitan dengan keaktifan ekonomi semenjak zaman Melaka lagi. Bentuk dan corak perdagangan di Melaka telah menarik banyak kuasa barat terutama Portugis untuk menguasai rantau ini. Kuasa Portugis yang berminat dalam perdagangan sejak awal lagi melihat Melaka sebagai kuasa ekonomi terunggul di rantau ini. Malah motif awal Portugis datang ke Melaka pada tahun 1509 adalah untuk berdagang. Mereka mendapati kedudukan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dan bandaraya yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa.<sup>8</sup> Ini menyebabkan sejarawan seperti A.Reid menggelarkan zaman ini abad ke-15 hingga ke-17 sebagai “Zaman Perdagangan” (The Age of Commerce).<sup>9</sup>

Senario kerajaan Johor tidak jauh bezanya dengan kerajaan Melaka. Kedudukan kerajaan Johor juga amat strategik kerana berada di dalam Selat Melaka. B. Harrison mengakui bahawa Selat Melaka berpotensi dalam perdagangan antarabangsa.

---

<sup>8</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 27.

<sup>9</sup> A.Reid, 1983. *Southeast Asia In The Age Of Commerce 1450-1680*. Vol.1. New Haven: Yale University Press, hlm. 7. Kemajuan dan perkembangan bandar Melaka sebenarnya kerana berpunca dari kedudukannya di Selat Melaka. Bandar dan pelabuhan Melaka itu sendiri telah berperanan sebagai pengeluar tetap hasil-hasil seperti bijih timah, lada hitam dan emas yang sangat diperlukan pedagang dari Timur dan Barat. Portugis yang merupakan kuasa baru dalam ekonomi Asia melihat potensi Melaka dalam perdagangan dengan Barat. Alfonso d'Alburquerque, Gabenor Portugis di India (1509-1515), menganggap Melaka sebagai pusat pengumpulan barang dagangan untuk ke Iskandariah melalui Laut Merah bagi pasaran Eropah oleh para pedagang Venice dan dikumpulkan di Lisbon. Lihat Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 27.

“...ia terletak di persimpangan jalan yang semulajadi di atas lebuh raya yang sesuai pula dengan arahan tiupan angin monsun yang sering menentukan Jalan-jalan kapal layar yang menyeberangi lautan India dan lautan China”.<sup>10</sup>

Penaklukan ke atas Melaka pada 10 Ogos 1511 telah meninggalkan kesan ke atas perdagangan di Melaka.<sup>11</sup> Pusat ekonomi yang dahulunya berpusat di Melaka telah berpindah ke selatan iaitu Johor.<sup>12</sup> Portugis mementingkan bandar Melaka sahaja, sebaliknya negeri-negeri naungan Melaka masih bebas mengendalikan perdagangan seperti Johor. Ancaman Portugis ke atas Johor sebenarnya terbatas kepada bidang ekonomi sahaja. Ini terbukti apabila Portugis telah memusnahkan kota dan kubu di Muar, Johor dan Bintan bagi melemahkan Johor sebagai satu saingen ekonomi dan untuk mengurangkan kemungkinan serangan masa hadapan ke atas perkapalan Portugis dan kapal-kapal dagang yang berlabuh di Melaka.<sup>13</sup>

Selain bersaing dengan Portugis, Johor juga bersaing dengan Aceh untuk muncul sebagai pusat perdagangan. Aceh cuba mencabar kedudukan ekonomi Portugis dan Johor.<sup>14</sup> Walaupun menghadapi saingen dari Aceh dan tekanan dari Portugis, Johor tetap bangkit terutama selepas tahun 1641. Serangan Aceh ke atas Johor pada tahun-tahun 1564, 1570, 1582, 1613, 1618 dan 1623 tidak melenyapkan Johor sebagai kuasa politik

<sup>10</sup> B. Harrison, 1966. *Asia Tenggara: Satu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 70.

<sup>11</sup> Menurut A. Samad, penaklukan kota Melaka oleh Portugis sebenarnya berpunca dari kelemahan kerajaan itu sendiri kerana konflik dalam antara Sultan Mahmud dengan putera sulung baginda Sultan Ahmad. A. Samad Ahmad (Penyelengara), 1996. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 271.

<sup>12</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 28.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 29.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 30.

dan ekonomi orang Melayu.<sup>15</sup> Ini kerana semua wilayah yang sebelum ini menjadi taklukan Melaka tetap bernaung di bawah pemerintahan Johor. Melalui wilayah-wilayah inilah hasil bumi tempatan dibawa ke pelabuhan Johor untuk dipasarkan. Walaupun menghadapi persaingan dari Aceh dan Portugis, pedagang Siam dan Jawa lebih berminat ke Johor dari berdagang dengan Portugis terutama hasil beras.<sup>16</sup>

Selain itu, hubungan persahabatan dengan Belanda sejak tahun 1602 juga penting dalam menjamin keamanan dan kemakmuran ekonomi Johor. Kehadiran Laksamana Jacob Heemskerck ke Batu Sawar, Johor untuk bertemu Sultan Alauddin Riayat Syah (1597-1613) telah membuka ruang hubungan dua hala dalam perdagangan. Belanda cuba berbaik-baik dengan Johor bukan sahaja untuk menyingkirkan Portugis dari Melaka tetapi juga untuk menguasai pelabuhan Melaka. Johor pula menjadikan Belanda sebagai benteng bagi menyekat serangan dari Portugis mahupun Aceh. Johor menjanjikan keistimewaan berdagang di mana-mana pelabuhan Johor kepada Belanda. Sebagai ganjarannya Belanda cuba meyakinkan Johor sebagai pelindung. Pada awal abad ke-17, kuasa Johor dan Belanda saling memerlukan bagi mengimbangi kekuasaan Portugis dan Aceh. Malah penaklukan Belanda ke atas Melaka pada 14 Januari 1641, kerana mendapat sokongan kuat dari penduduk Johor yang berperanan mengangkut makanan, membina kubu, meriam dan parit penghadang. Justeru itu, sepatutnya Belanda amat terhutang budi kepada rakyat dan sultan Johor dalam mencapai misinya.<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 31.

<sup>16</sup> I.A. Macgregor, 1955. "Johor Lama in The Sixteen Centuries", dalam *JMBRAS*, Jil. 28. Bhg 2, hlm. 81.

<sup>17</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 35-36.

Johor dikatakan berpeluang untuk bangkit dan berkembang pesat selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani pada 15 Februari 1641. Pengganti Sultan Iskandar adalah seorang wanita yang mempunyi visi berlainan terutama dalam menentukan corak pemerintahan Aceh sehingga penghujung abad ke-17. Ini membuka ruang kepada Johor untuk bangkit sebagai kuasa ekonomi yang terunggul di rantau Nusantara. Johor mula membina kuasa ekonomi dengan menjadikan pelabuhan-pelabuhan sekitar sungai Johor sebagai pusat perdagangan. Naungan daripada Belanda dan ketiadaan ancaman dari Aceh telah melahirkan suasana aman dan sesuai untuk mengatur strategi ekonomi. Ini telah menjadikan Johor sebagai pusat perdagangan di mata dunia selepas Melaka.<sup>18</sup>

Ada catatan Belanda menyatakan banyak barang Cina dibawa ke Betawi oleh kapal-kapal dari Johor. Barang dagangan seperti emas, kayu gharu, kelembak,<sup>19</sup> pedro porco, sarang burung, gading, kapur barus, bijih timah diniagakan. Barang lain termasuk rotan, lilin, lada hitam garam, beras, tembaga, spiauter, kain sutera putih dari China, tembikar keluli besi Cina, kain benang emas Jepun dan candu.<sup>20</sup> Catatan Belanda di Betawi pada tahun 1660, eksport Johor ke pelabuhan itu seperti abdi, lilin, tembikar, sagu, pinggan kayu, minyak, lada, telur, ikan masin dan beras.<sup>21</sup>

Kehadiran orang Eropah di Selat Melaka meningkatkan kuantiti kegiatan tukar-menukar barang dan menambahkan lagi keyakinan Johor untuk terus maju. Johor telah

<sup>18</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 36.

<sup>19</sup> Kelembak bermaksud sejenis kupu-kupu. Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 834.

<sup>20</sup> L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 51.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 171. W. Dampier mencatatkan pada tahun 1688 Johor banyak menghasilkan lada hitam. W. Dampier, 1931. *Voyages and Discoveries*. London: Argonaut Press, hlm 11.

mengambil langkah bijak dan bersedia menampung mana-mana pedagang di perairannya dan memberi jaminan keselamatan serta kemudahan untuk urusniaga yang menguntungkan. Namun Johor juga sedar betapa perlunya ia melindungi kepentingan ekonominya terhadap peniaga-peniaga luar. Ini terbukti apabila Johor menolak permohonan seorang saudagar Inggeris untuk mendirikan gudang di Bengalis, yang merupakan tanah jajahan Johor. Ini kerana Johor bimbang ia akan melembabkan pengaruh Johor di pelabuhannya sendiri.<sup>22</sup>

Pada tahun 1641, Kerajaan Johor terdiri daripada Sungai Kelang, Sungai Penagie (Kuala Linggi), sungai Siak, sungai Kampar, Bengalis, Ungaran, Pulau-pulau Karimun, Bulang, Bintan, Lingga dan pulau sekelilingnya, pulau Singapura, Batu Pahat, dan Muar.<sup>23</sup> Melalui wilayah-wilayah inilah Johor berjaya mendapat bekalan bahan mentah untuk perdagangan antarabangsanya. Ini telah menjadikan pelabuhannya berfungsi sebagai pelabuhan yang sibuk dengan aktiviti perdagangan. Para pelabur dan pedagang tertarik melaburkan modal di Johor kerana kemampuannya menyediakan peluang dan pasaran yang baik bagi barang-barang di samping dapat menyediakan infrastruktur yang cekap untuk perdagangan. Ini terbukti apabila Belanda menghantar dutanya ke istana Johor pada pertengahan abad ke-17 dan ke-18 adalah kerana kemampuan Johor menyedia dan menyelia infrastruktur perdagangan. Malah ada pendapat mengatakan bahawa kerajaan Johor telah berjaya menyediakan infrastruktur sama seperti zaman Melaka.<sup>24</sup> Ini menjadikan pedagang-pedagang luar seperti dari Gujerat, Coromandel, Bengal, Burma,

---

<sup>22</sup> L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 97.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 49.

<sup>24</sup> Membina gudang di bawah tanah mengurangkan risiko kebakaran, para pegawai terlatih mengendalikan urusan menyusun dan menjalankan perniagaan, cukai kastam berpatutan, ukuran dan timbangan berat yang tetap, bahan membaiki kapal. *Ibid.*, hlm. 49-50.

Mesir, Mekah, Aden, Parsi, Turki dan Cina datang ke Nusantara ini untuk berdagang. Dari kawasan serantau pula ialah Parsi, Palembang, Jawa, Maluku, Banda, Borneo dan Filipina berkunjung ke perairan Selat Melaka. Gudang atau gedung yang disediakan untuk menyimpan barang dengan sistem perdagangan entrepot menyebabkan kemajuan dan keuntungan perdagangan di Johor. Di Panchor misalnya telah dibina gedung menyimpan barang di tempat bernama Tanjung Gedung.<sup>25</sup>

Keupayaan KMJ-R membekalkan kelengkapan kapal dengan cekap dan murah amat dikagumi oleh Belanda. Ia menjadi sebahagian dari daya penarik untuk pedagang asing datang. Gabenor Thomas Slicher iaitu Gabnor Belanda di Melaka menulis surat ke Betawi pada Mei 1687 berbunyi;

...bilangan kapal yang belayar ke Riau begitu besar sehingga sungai itu sukar untuk dilalui akibat terlalu banyak kapal-kapal dagang...pegagang-pedagang tertarik ke Riau disebabkan oleh *menagierse aequipagenya*. Di sini para pedagang timah dibayar setengah dengan duit (*content*) dan setengah lagi dengan kain; sedangkan di Melaka mereka itu diberikan apa saja kain yang ada dan bukannya jenis kain dengan corak yang terbaru seperti di Riau. Barang-barang yang diperdagangkan seperti emas, kayu gaharu, kelembak, pedro porco, sarang

---

<sup>25</sup> Norjihan Nordin, 1994. "Sejarah Kampung Panchor: Peranannya di wal Abad ke-18" dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 36.

burung, gading, kapur barus, bijih timah, rotan, lilin, lada, garam, beras, tembaga, spiauter, kain sutera putih dari china, tembikar, kuali besi cina, kain, benang emas dan candu.<sup>26</sup>

Pembangunan ekonomi Johor, bukan sahaja bergantung kepada lokasinya yang strategik, malah kualiti dan kuantiti barang dagangan serta hubungan dengan kuasa Belanda dan Inggeris menjadi peransang ekonomi Johor. Ini terbukti laporan dari Vaughn dan lima orang anak kapal berbangsa Inggeris yang pernah terdampar di Kuala Sungai Endau menceritakan pengalamannya di pelabuhan Johor; terdapat enam buah tongkang Cina yang besar dan beberapa perahu. Jurubahasa di pelabuhan Johor ialah orang Belanda.<sup>27</sup> Kerajaan yang aman dan ceria telah melahirkan suasana perdagangan yang selesa. Pembangunan sektor perdagangan Johor berkait rapat dengan berkembangnya infrastruktur yang baik.

Semasa pentadbiran Riau bawah Raja Haji sebagai YDPM Riau (1777-1784) Riau menjadi pelabuhan sibuk dengan perdagangan timah dari Semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Bangka. Riau menjadi pasar bagi kain dan candu yang merupakan perdagangan bebas Inggeris yang dikenali *Country Traders*.<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 50-51.

<sup>27</sup> Gibson Hill, C.A., 1955. "Johore Lama and Other Ancient Sites", *JMBRAS*, Jil. 28, Bhg.2, hlm. 161.

<sup>28</sup> D.K. Bassett, 1961. "The British Country Traders and Sea Captains in South East Asia in The 17th and 18th Centuries", dalam *JHS University Malaya*, Vol.1, No.2, hlm. 14.

## Pentadbiran Perdagangan Johor

Pentadbiran perdagangan pada zaman Johor-Riau telah mengalami perubahan besar sama ada dari segi kaedah mahupun kuasa pengendali. Walaupun kerajaan Johor mewarisi kaedah dan pengendalian perdagangan dari Melaka, namun sistem perdagangan yang dilaksanakan di pelabuhan Johor telah berubah mengikut peredaran zaman dan keperluan. Misalnya di Melaka, “Kiwi” ialah orang yang bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan perdagangan sudah tiada.<sup>29</sup>

Johor memperkenalkan konsep sistem naungan Orang Kaya dalam perdagangannya. Seorang pedagang asing atau pedagang tempatan Johor akan mendapat naungan daripada seorang individu yang berkuasa di dalam negeri. Mereka ini juga terdiri dari pembesar Johor sendiri seperti Bendahara, Raja Indra Bongsu, Temenggung, Laksamana, ataupun Kadi. Penaung ini akan perolehi sebahagian keuntungan, dan akan menjamin keselamatan perniaga termasuklah barang dagangan mereka.<sup>30</sup> Duta-duta Belanda yang datang ke Johor pada 1706, telah tertarik dengan sektor perdagangan Johor dan mengulas bahawa semua barang-barang di pelabuhan Johor dimonopoli oleh orang berbangsa Moor dan tiga atau empat orang Cina yang turut bernaung di bawah Orang Kaya. Leonard Y. Andaya menyebut;

---

<sup>29</sup> Tugas seorang Kiwi seperti menyediakan muatan kapal yang akan belayar dan kapal berlabuh. Sebagai juru runding dengan Nakhoda dalam semua urusan perdagangan. Membayar cukai pelabuhan. Menjalankan urusan dagangan barang dan mematuhi undang-undang laut. Dalam Bab “Hukum Kiwi” dalam *Undang-Undang Laut Melaka* memperuntukkan empat kaedah bagi menjalankan perniagaan iaitu; membeli petak-petak kapal, Kiwi tidak membeli hak terhadap petak kapal tetapi menambahkan modal Nakhoda. Kiwi juga akan menerima sebanyak dua atau tiga koyan bijirin dari pemilik kapal. Mengambil alih 7/8 petak ruang muatan kapal. Kiwi akan membayar cukai 3/10 kepada Nakhoda jika membeli petak muatan kapal. Lihat *Pengamatan Melalui Lukisan & Diorama Melaka*, Perbadanan Muzium Melaka, 1989, hlm. 37.

<sup>30</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 51.

Kira-kira lapan hingga sepuluh buah tongkang Cina kelihatan setiap tahun menjual barang mereka secara kredit selama dua atau tiga minggu. Para pembeli, yang biasanya terdiri daripada orang yang di bawah naungan Orang Kaya, dan menjual barang-barang yang baru dibeli itu untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki oleh pedagang Cina tadi. Ini mewujudkan persaingan hebat antara pemimpin negeri dan mengurangkan medan kuasa yang dikuasai oleh seorang pemimpin. Sistem naungan ini menyebabkan orang Belanda membuat komen yang tajam terhadap keadaan hal ehwal negeri Johor di mana ‘setiap orang melakukan sesuka hatinya seolah-seolah tidak ada raja atau kerajaan’.<sup>31</sup>

Petikan ini menunjukkan kaedah perdagangan di Johor perlu melalui Orang Kaya. Sistem perdagangan seperti ini akan mewujudkan persaingan secara sihat antara pemimpin negeri-negeri yang berdagang di Johor dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan monopoli oleh seorang pemimpin negeri sahaja.<sup>32</sup>

Melalui sistem naungan ini juga, seseorang pedagang tempatan mahupun luar akan mendapat keistimewaan dan mendapat pas kebenaran daripada Belanda dan bebas untuk berlabuh di pelabuhan Melaka, Aceh, Perak atau Kedah.<sup>33</sup> Penghormatan yang diberikan itu sebagai satu penghormatan tinggi kepada golongan Orang Kaya. Keyakinan

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 52.

<sup>32</sup> Sistem naungan ini sebenarnya bertentangan dengan dasar monopoli perdagangan Belanda di Melaka dan Betawi. Pada abad ke-17 dan ke-18 pula, *Vereenigde Oost-Indische Compagnie* (V.O.C) telah menguatkuasa konsep *mare clausum* atau konsep ‘laut tertutup’ dalam hubungan perdagangan antara Asia. Ini lanjutan daripada sikap yang dahulunya diperkembangkan oleh Portugis pada abad ke-16, yang menguasai perdagangan rempah di rantau Asia. *Ibid.*, hlm. 37.

<sup>33</sup> *Ibid.*

yang diberikan Belanda ini telah mengukuhkan lagi perdagangan antarabangsa Johor dan mengangkat status pemimpin-pemimpin Johor sebagai bangsa berwibawa.

Kesan daripada sistem naungan ini menjadikan seseorang Orang Kaya itu amat berpengaruh. Ini terbukti apabila Laksamana Tun Abdul Jamil dikatakan mempunyai wakil dagangan yang paling ramai bilangannya. Paduka Raja juga mempunyai dua orang anak yang aktif dalam perdagangan iaitu Sri Bija di Raja dan Laksamana yang pernah dihantar ke Siak untuk bermiaga. Paduka Raja berpengaruh dalam menentukan pedagang asing dapat berdagang ataupun tidak di Johor. Paduka Raja mendapat keuntungan yang lumayan daripada pedagang yang masuk ke Riau. Pedagang Makasar tidak dibenarkan untuk pergi berdagang ke Aceh. Paduka Raja juga mengenakan dua puluh lima peratus daripada jumlah nilai dagangan setiap pedagang yang ingin berdagang di Riau. Melalui kaedah ini Paduka Raja mendapat pulangan yang lumayan dari setiap pedagang yang berdagang di Riau.<sup>34</sup>

### Sistem Matawang Johor-Riau

Kestabilan politik dan sistem perundangan yang adil menarik minat para pedagang dari seluruh Nusantara bermiaga di Johor. Selain dari pedagang China, pedagang-pedagang dari Benua India, Pegu dan Arab juga turut datang melebarkan pengaruh mereka dengan pelaburan modal yang besar di negeri yang aman dan makmur.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 51-52.

<sup>35</sup> *Pengamatan Melalui Lukisan & Diorama Melaka*, hlm. 25.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada minat pelabur luar adalah sistem mata wang yang sistematik.<sup>36</sup>

**Gambar 3.1**

**Duit Timah Semasa Sultan Mudzaffar Syah Melaka (1446-1456)**



Sumber: Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 109.

<sup>36</sup> Sejarah duit tempatan bermula pada abad ke-15 apabila duit pertama yang diperbuat daripada logam tanah digunakan di Melaka. Matawang ini juga disebut sebagai "pitis" atau "kesha" (cash). Sistem matawang ini berlaku pada masa pemerintahan Sultan Mansur yang merupakan zaman kegemilangan Melaka. Malah Sultan Mansur sendiri mengeluarkan duit untuk rakyatnya. Dalam abad ke-16, duit emas juga digunakan dalam beberapa negeri beraja. Sebelum ini sistem *barter* digunakan. Namun ia menyukarkan pengguna kerana terpaksa mencari orang yang sesuai untuk menukar barang. Apabila sistem matawang diperkenalkan, segala jual beli mudah. Selepas itu mata wang kertas diperkenalkan kerana ianya dianggap lebih mudah untuk dicetak, keluar, diguna dan disimpan. Lihat tulisan Mohd Kassim Haji Ali, "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria Bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.), 1994. *Johor Dahulu Dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, hlm. 104.

Johor telah mewujudkan matawang emas dan diedarkan semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah I (1527/28-1564).<sup>37</sup> Matawang ini merupakan yang tertua pernah digunakan di negeri Johor. Duit itu dibahagikan kepada dua jenis nilai, iaitu “Dinar” dan “Kupang”<sup>38</sup> dan ianya diterima oleh sebahagian besar Asia Tenggara dengan kadar tukaran antarabangsa yang ditetapkan pada setengah (1/2) dan seperlapan (1/8) Dolar Sepanyol. Satu Mas’ bersamaan dengan empat Kupang.<sup>39</sup> Mulai pertengahan abad ke-16, ‘emas’ dianggap bernilai separuh dari dolar Spanyol atau bersamaan dengan ‘empat tanga’ perak Portugis. Duit-duit emas ini berbentuk persegi lapan, ianya hanya digunakan pada pemerintahan Sultan Abdul Jalil II (1571-1597) dan Sultan Abdullah Riayat Syah (1615-1623) sahaja. Duit emas ini adalah berbentuk bulat, permukaan depan tertera tulisan jawi atau Arab dengan nama Sultan yang memerintah, manakala bahagian belakang pula terdapat kata-kata pujian Khalifatul Mukminin.<sup>40</sup>

<sup>37</sup> Mohd Kassim Haji Ali, 1984. “Penggunaan Matawang di Perairan dan Persisiran Selat Melaka (1400 Hingga 1800) dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Penyelengara). *Sejarah di Selam Melaka*, hlm. 102.


<sup>38</sup> *Ibid.*, hlm. 103.

<sup>39</sup> *Ibid.*,

<sup>40</sup> Mohd Kassim Haji Ali, “Matawang Negeri Johor” dalam Abdullah Zakaria Bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.), 1994. *Johor Dahulu Dan Sekarang*, hlm. 105.


**Gambar 3.2**

**Duit Emas Sultan Abdul Jalil Johor (1511-1597)**



*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 110.

**Gambar 3.3**  
**Duit-Duit Emas Jenis Nilai ‘Kupang, Dan ‘Mas’**  
**Keluaran Negeri Johor Dari 1527-1760**



*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. “Matawang Negeri Johor” dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 111.

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil (1623-1677) dan Sultan Sulaiman Badrul Alam (1722-1760), terdapat juga syiling berbentuk segi lapan yang diperbuat dari

perak.<sup>41</sup> Ini mungkin disebabkan logam emas sukar diperolehi. Pengeluaran duit emas di Johor adalah bermula dari tahun 1527 hingga tahun 1760 iaitu pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722-1760). Pada akhir tahun 1760, Belanda telah berjaya menempatkan dagangannya di Johor, ekoran daripada itu matawang Belanda telah mengatasi nilai matawang tempatan. Selepas ini kebanyakan urusniaga adalah menggunakan matawang asing seperti Dolar Sepanyol Mexico, Amerika Syarikat, Yen Jepun dan banyak lagi. Selain itu ada juga matawang diperbuat daripada timah yang ditempa. Duit timah ini diberi nama tempatan sebagai “Katun”,<sup>42</sup> ianya terdapat dalam pelbagai jenis. Ia hanya digunakan sebagai duit kecil di pasar.

Menjelang abad ke-18, nilai matawang tempatan negeri Johor telah dapat diatasi oleh nilai matawang tembaga jenis nilai ‘doit’ yang diedarkan oleh Kompeni Belanda India Timur V.O.C.<sup>43</sup> Selain itu, terdapat matawang dari negeri lain yang pernah ditemui di negeri Johor seperti duit Tampang daripada Pahang, Selangor dan Perak, duit emas dan timah jenis ‘pitis’ daripada Kelantan, duit emas dan puiter “pitis” timah atau keping daripada Terengganu. Duit-duit *cash* daripada negeri China dan duit-duit dagangan British *Singapore Merchant Tokens* pernah beredar berasingan di seluruh negeri Johor.<sup>44</sup>

<sup>41</sup> Mohd Kassim Haji Ali, “Penggunaan Matawang di Perairan dan Persisiran Selat Melaka (1400 Hingga 1800)”, hlm. 102.


<sup>42</sup> “Katun” diperbuat dari timah dan kini telah banyak dijumpai di dalam sungai dan juga di kawasan tanah kampung ketika kerja pembersihan hutan. Ini bukan sahaja dijumpai di Kampung Makam Kota Tinggi tetapi di merata-rata tempat di sepanjang sungai, dan khasnya di Johor Lama. *Ibid.*,

<sup>43</sup> Mohd Kassim Haji Ali, *Johor Dahulu Dan Sekarang*, hlm. 106.

<sup>44</sup> *Ibid.*

**Gambar: 3.4**

**Duit Timah Negeri Johor Siri Dar-Al-Johorah Pada Kurun Ke-18**



*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 110.


Dalam tahun 1870-an, kerajaan Johor di bawah Maharaja Abu Bakar membenarkan Tuan Syed Muhammed Alsagoff menerbitkan duitnya sendiri. Duit itu berupa wang kertas yang mempunyai nilai satu dan dua ringgit 25, dan 50 sen. Wang kertas itu mula diterbitkan pada 1 Mei 1878, dan terus digunakan sehingga tahun 1917. Selepas itu, kebenaran itu telah ditarik balik.<sup>45</sup> Duit emas Johor terus digunakan dalam pasaran niaga negara jiran termasuk Pattani dan Aceh yang terus menggunakan tanpa sekatan di samping "dolar Sepanyol" di Kedah. Kepelbagaiannya matawang ini sebenarnya bertujuan memudahkan semua pedagang untuk berurus di pasaran Johor dan kawasan sekitar yang menggunakan matawang Johor. Matawang asing ini turut diterima sebagai satu nilai yang sama dengan matawang tempatan. Ekoran itu, pedagang luar tidak perlu

<sup>45</sup> Lihat Mohd Kassim Haji Ali, "Penggunaan Matawang di Perairan dan Persisiran Selat Melaka (1400 Hingga 1800)", hlm. 102.

menukar matawang untuk berurusan dengan pedagang tempatan.<sup>46</sup> Sistem Satu Mas' bersamaan dengan empat Kupang telah digunakan sebagai ukuran. Mulai pertengahan abad ke-16, 'emas' dianggap bernilai separuh dari dolar Spanyol atau bersamaan dengan 'empat tangan' perak Portugis sebegini sedikit sebanyak menarik minat pedagang dan seterusnya menaikkan status pelabuhan dan perdagangan di Johor.

**Gambar: 3.5**

**Matawang bersendirian Tuan Syed Muhammad Alsagoff  
bertarikh 1 Mei 1878 Jenis nilai 25 sen dan 1 dollar**




*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 115.

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

**Gambar: 3.6**

**Duit Syiling Siri Queen Victoria keluaran  
Negeri-Negeri Selat (Straits Settlements)**




*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 112.

Kebolehan kerajaan Johor mewujudkan dan mengunapakai sistem matawang emas ini telah mengangkat kedudukan orang Melayu Johor sebagai berperadaban tinggi.

Ia lebih-lebih lagi pada masa itu dolar Sepanyol, perak Portugis, Yen Jepun dan matawang tembaga Belanda telah berada dalam pasaran Johor. Setiap matawang ini telah mewakili negara masing-masing. Penghormatan pedagang asing terhadap matawang tempatan dan penggunaan dalam urusniaga menunjukkan satu pengiktirafan kepada kerajaan Johor sebagai berperadaban tinggi. Urusniaga secara tukar barang berkurangan apabila matawang ini tersebar dan menguasai pasaran niaga.

**Gambar: 3.7**

**Duit syiling Siri King Edward VII keluaran Negeri-Negeri Selat  
(Straits Settlements)**



*Sumber:* Mohd Kassim Haji Ali, 1994. "Matawang Negeri Johor" dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 113.

## **HUBUNGAN KUASA BARAT DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI JOHOR**

### **Hubungan Dengan Kuasa Belanda.**

Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, hubungan orang Melayu Johor dengan kuasa Portugis di Melaka sentiasa tegang. Ini menjadikan interaksi antara mereka terutama dalam soal perdagangan amat kurang. Berbanding dengan kuasa Portugis, kuasa Belanda lebih banyak berperanan dalam memajukan sektor ekonomi Johor. Jasa bakti orang Johor amat besar ertiinya bagi orang Belanda dan ini menjadi motif untuk mereka saling memerlukan.

Menjelang tahun 1641, Belanda bangkit sebagai kuasa yang berjaya mengukuhkan kedudukannya di Melaka dan terus mengawal sektor percukaian dan perdagangan. Belanda pula memberi kuasa kepada pemerintah dan Orang Kaya Johor untuk mengendalikan perdagangan. Melalui jaminan mereka telah menjadi syarat bagi kapal Johor atau kapal asing untuk bebas berlabuh di Pelabuhan Melaka. Ini telah memberi peluang yang cerah kepada pedagang luar untuk bukan sahaja berdagang di Melaka, tetapi juga di pelabuhan-pelabuhan Johor. Hubungan kerajaan Johor dengan V.O.C. iaitu syarikat gabungan pedagang-pedagang Belanda bermula tahun 1642, April 1685, 9 April 1689 dan 17 Ogos 1713. Satu perjanjian persahabatan terjalin pada tahun 1642 di antara Johor dan Belanda. Antara lain menyatakan, semua kapal yang ingin berdagang di perairan Selat Melaka dan Riau, juga pedagang-pedagang yang ingin melibatkan diri dalam perdagangan timah di Kedah, Perak dan Selangor perlu mendapat

kebenaran Belanda. Ini membuktikan bahawa kuasa Belanda amat berpengaruh dalam menentukan hala tuju perdagangan antarabangsa Johor.<sup>47</sup> Belanda telah menetapkan bahawa semua hasil bumi dari wilayah Johor seperti Muar, Klang, Sungai Ujung, Rembau dan tempat-tempat lain bebas dari cukai. Ini telah menggalakan orang Melayu untuk meningkatkan hasil mereka untuk dibawa ke kawasan bebas cukai ini. Orang Kaya Johor telah menggunakan kesempatan ini untuk mengumpul hasil timah dari Perak untuk dipasarkan di wilayah bebas cukai Johor. Ini telah menimbulkan kegelisahan pada Belanda. Belanda percaya Johor telah mengaut keuntungan besar dari hasil timah dari kawasan pengeluaran bijih timah.<sup>48</sup> Pada masa yang sama Johor menjadi pasaran yang terkenal bagi pasaran tembaga Jepun yang diperolehi dari Pattani melalui pedagang Cina. Perdagangan bebas tanpa cukai bagi orang Johor di Melaka menjadikan pedagang Johor membeli sebahagian besar kain di Melaka dari Coromandel.

Dalam perjanjian berikutnya iaitu pada tahun 1685, 1689 dan 1713 adalah ‘Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan’ yang memberi kebebasan kepada pedagang-pedagang Belanda untuk berdagang di Johor dan semua wilayah-wilayah Johor.<sup>49</sup> Johor pula terus mengaut keuntungan dengan keistimewaan yang telah diberikan oleh Belanda sebelum ini. Kesungguhan Belanda untuk terlibat secara langsung dalam sektor ekonomi Johor terserlah pada abad ke-18.

<sup>47</sup> R.J. Wilkinson, (ed.), 1971. *Papers on Malay Subject*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 56. Dalam masa yang sama, Johor turut mengambil kesempatan membuat hubungan dengan Aceh pada tahun 1665 yang menjadikan perdagangan Johor pesat. Orang Aceh telah bertindak membawa barang terus ke Bengkalis serta Johor dan ini telah menarik minat saudagar Cina untuk datang ke palabuhan itu. Lihat Hassan Junus, 1988. *Raja Ali Haji Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekan Baru: Universiti Islam Riau Press, hlm. 34.

<sup>48</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 101.

<sup>49</sup> Dianne Lewis, 1995. *Jan Campagnie in the Straits of Melaka, 1641-1795*. Ohio: Ohio Universiti, hlm. 35.

Hubungan diplomatik antara Johor dan Belanda berakhir berpunca dari sikap tamak Belanda dan Perancis dengan harta rampasan kapal British bernama *Betsy* yang berada diperairan Riau.<sup>50</sup> Raja Haji selaku YDPM Johor pada waktu cuba menuntut haknya seperti mana perjanjian persahabatan mereka mengenai harta rampasan perang. Namun Raja Haji gagal sebaliknya menimbulkan kemarahan Belanda apabila Raja Haji bertindak memutuskan hubungan persahabatan. Perselisihan ini telah membawa kepada serangan Belanda ke atas Riau di bawah pimpinan Toger Abo.<sup>51</sup>

Walau bagaimanapun kemangkatan Raja Haji di Teluk Ketapang pada 18 Jun 1784, dalam siri peperangan menyerang Belanda di Melaka mengukuhkan lagi kekuasaan Belanda.<sup>52</sup> Belanda akhirnya berjaya menawan Riau pada tahun 1784. Kekalahan Riau kepada Belanda memberi tamparan hebat kepada Johor. Hubungan yang sebelum ini lebih berbentuk kerjasama perdagangan berubah menjadi hubungan berbentuk naungan. Ini terbukti apabila Belanda bertindak memaksa Sultan Mahmud III menandatangani satu perjanjian yang mana mengakui hak monopoli perdagangan Belanda ke atas pelabuhan Riau.<sup>53</sup>

Perjanjian ini mempunyai dua puluh lima fasa yang melibatkan soal hak dan kepentingan kedua-dua belah pihak.<sup>54</sup> Dalam perjanjian ini menetapkan Johor-Riau akan menjadi sahabat baik Belanda. Kedua-dua pihak bebas bermiaga di kedua-dua kawasan.

---

<sup>50</sup> P.J. Begbie, 1967. *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 65-66.

<sup>51</sup> Mardiana bt. Nordin, "Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks *Tuhfat al-Nafis*", hlm. 154-155.

<sup>52</sup> Buyong bin Adil, 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm. 139.

<sup>53</sup> Lihat Lampiran 1; Perjanjian 1784 .

<sup>54</sup> Lihat Lampiran 3.

Semua sahabat dan musuh Belanda akan menjadi sahabat dan musuh Johor. Satu pasukan perunda keselamatan askar Belanda akan diwujudkan untuk mengawasi Riau. Semua kapal pedagang yang bernaung bawah Belanda bebas berniaga di semua wilayah Johor. Begitu juga pedagang Johor turut diberikan keistimewaan untuk berdagang di Melaka. Bagi kapal luar yang datang berniaga di Johor, tidak boleh tinggal lebih dari tiga hari di pelabuhan.<sup>55</sup>

Keadaan ini tidak bererti keadaan perdagangan Johor-Riau turut terjejas. Malah menurut sumber rasmi Belanda, *Dagh-Register*, terdapat ramai saudagar Bugis, Arab, China dan India Islam datang dan berniaga di pelabuhan Riau. Sehingga awal abad ke-19 pun pedagang masih ramai datang untuk berniaga. Kapal-kapal dari China, Jawa, Siam dan Kepulauan Sulawesi masih berdangan di Riau. Riau pada waktu itu sudah menjadi sebuah kota kosmopolitan.

Jelaslah di sini Johor telah banyak mendapat faedah hanya pada peringkat awal hubungannya dengan Belanda. Pada waktu ini, Johor berjaya mengembalikan statusnya sebagai pemangkin ekonomi rantau ini. Selain itu, Belanda turut memberikan Johor beberapa jaminan yang menyebabkan pulihnya ekonomi Johor pada kurun ke-17. Keuntungan ini tidak diperolehi negara lain yang turut sama berdagang di Melaka. Justeru itu, Johor menggunakan sepenuhnya peluang ini untuk membangunkan negara dan membaiki kelemahan-kelemahan dalam sektor ekonominya. Namun pada fasa akhir hubungan dengan Belanda lebih bercorak tekanan desakan. Johor merasai tekanan

---

<sup>55</sup> *Ibid.*

dengan perjanjian 1784 telah mencemarkan kewibawaan kerajaan Johor sebagai negara berdaulat.

### **Hubungan Dengan Kuasa British**

Walaupun tidak banyak pengaruh kuasa British ke atas Johor pada awal abad ke-17, namun ianya lebih terserlah di akhir abad ke-18 dan ke-19. Campurtangan British dalam kerajaan Johor pada peringkat awal juga bermotifkan kepentingan ekonomi dan kuasa. Misalnya pada tahun 1785 apabila Riau jatuh ke tangan Belanda, British menjadi kuasa ‘pengimbang’ apabila Sultan Mahmud Shah III berjaya menjalin hubungan dengan British dan cuba mengurangkan tekanan Belanda ke atas Riau buat seketika.<sup>56</sup> Namun ekonomi Johor tetap berkembang secara sederhana walaupun ada tekanan dari luar. Kuasa Bugis yang dominan dalam politik dan ekonomi perdagangan Johor semakin tersisih dan tidak berfungsi lagi. Ini kerana British dan Belanda enggan mengakui pertuanan Bugis dalam kerajaan Johor walaupun British masih mengekalkan jawatan YDPM yang dipegang oleh mereka.<sup>57</sup>

Dalam tahun-tahun awal abad ke-19 memperlihatkan penglibatan British lebih luas dalam politik Johor yang akhirnya membawa kesan kepada ekonomi Johor. Masalah takhta yang berlaku tahun 1812, setelah kemangkatan Sultan Mahmud III membuka peluang untuk British campurtangan. Sultan Mahmud III meninggalkan dua orang putera yang bukan dari anak gahara iaitu Tengku Husin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman. Akibat dari desakan YDPM Raja Jaafar, Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan

<sup>56</sup> Mardiana bt. Nordin, 1999. “Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks Tuhfat al-Nafis”, Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 159.

<sup>57</sup> *Ibid.*

dan berkerajaan di Riau. Konflik takhta ini tidak berakhir di situ, British mengambil peluang mencampuri urusan takhta dengan melantik Tengku Husin sebagai Sultan di Singapura pada 6 Februari 1819 bersamaan 21 Rabiul Akhir 1234.<sup>58</sup> Tindakan ini ada pertalian dengan penyerahan semula Melaka kepada Belanda pada 1818. Pada masa yang sama, British melihat Singapura amat berpotensi untuk menjadi pelabuhan utama dan pintu masuk ke Selat Melaka. British sedar bahawa Singapura mampu menjadi pusat perkapalan utama rantau ini.<sup>59</sup> British sebenarnya tidak senang dengan Melaka yang diserahkan semula kepada Belanda. Oleh itu, Singapura telah menjadi misi British untuk mengekang pengaruh Belanda di Tanah Melayu dan Nusantara.<sup>60</sup>

Pertabalan Tengku Husin yang didalangi oleh Raffles menunjukkan bahawa pengaruh British dalam kerajaan Johor mula bertapak. Peristiwa pertabalan Tengku Husin ini penting dalam sejarah Johor. Proses pertabalan ini dirancang oleh Temenggung Johor, Temenggong Abdul Rahman dan Farquhar bagi membolehkan Tengku Husin dibawa keluar dari Pulau Penyengat ke Singapura.<sup>61</sup> Bagi merealisasikan kekuasaan Tengku Husin sebagai pemerintah Singapura dan mendapat legitimasi masyarakat Melayu, adat istiadat menyambut raja-raja Melayu dilakukan. Upacara ini dilakukan di hadapan orang Melayu, Orang Laut dan pelabur-pelabur Cina. Pembesar-pembesar

---

<sup>58</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1984. "Persaingan Di Antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885", Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 9.

<sup>59</sup> Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan Publisher (M) Sdn. Bhd., hlm. 128. Lihat juga; C.M. Turnbull, 1977. *A History of Singapore 1819-1975*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 9.

<sup>60</sup> Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 128.

<sup>61</sup> C.M. Tumbull, 1977. *History of Singapore 1819-1975*. hlm. 6-10.

Melayu dan British lengkap dengan pakaian seragam turut meraikan majlis pertabalan ini.<sup>62</sup>

Suasana aman memberi peluang kepada British untuk menetapkan kepentingan ekonominya di Johor termasuk menguasai Singapura. Sir Stamford Raffles telah berjaya mempengaruhi Temenggung Johor iaitu Temenggung Abdul Rahman supaya menerima Tengku Husin sebagai sultan Johor. Dalam masa yang sama satu perjanjian telah ditandatangani antara Sultan Husin dengan Temenggung Abdul Rahman dengan pihak British pada 6 Februari 1819 yang memberi perlindungan kepada Sultan Johor. Melalui perjanjian ini British menetapkan Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman perlu mengawasi loji-loji British dan memerangi musuh-musuh British yang cuba mengancam loji-loji tersebut. Sehubungan itu, sultan dan warisnya tidak berhak membuat perjanjian terutama perjanjian perdagangan dengan mana-mana kuasa Eropah lain. Kerajaan British juga berhak untuk mengutip cukai ke atas kapal-kapal dagang yang masuk ke Singapura. Syarat perjanjian yang memihak kepada British, memberi peluang untuk British mengaut keuntungan yang lebih terutama dalam kuasa memungut cukai. Ini memperlihatkan bahawa Singapura mula menjadi pusat ekonomi penting kepada British. Perjanjian 1819 ini telah memberi banyak hak dan kelebihan kepada British. British bukan sahaja mendapat hasil dari cukai perdagangan di Singapura, malah telah menguasai sepenuhnya pulau tersebut. Ekonomi Singapura sendiri telah meningkat dan berkembang maju hasil dari pelabuhan bebasnya. Pada waktu ini, Singapura pula menjadi saingan kepada pelabuhan di Riau.

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

Tekanan ke atas Johor lebih terserlah selepas perjanjian 17 Mac 1824 antara British-Belanda ditandatangani.<sup>63</sup> Perjanjian ini antara lain menetapkan pengaruh dan kepentingan masing-masing di rantau ini. Ia memihak kepada British dan Belanda. Melalui perjanjian ini, Belanda tidak akan melibatkan diri dalam hal ehwal atau menduduki negeri-negeri Tanah Melayu atau membuat perjanjian dengan raja-rajanya, manakala pihak British pula tidak akan menduduki Pulau Karimun dan kepulauan Riau-Lingga atau yang lain di selatan Singapura. Ini menunjukan bahawa kepentingan ekonomi dan perdagangan Belanda di Melaka tidak ada lagi. Pembahagian kawasan ini telah membawa kepada perpecahan kerajaan Johor Lama.<sup>64</sup> Perjanjian ini juga telah membawa perubahan besar kepada sektor ekonomi dan kepentingan perdagangan di Johor. Johor dan Riau perlu membangunkan sektor perdagangan dan ekonominya secara berasingan di bawah pengaruh kuasa barat yang berlainan.

Tahun 1840-an, Singapura mempunyai hubungan perdagangan import dan eksport dengan negara-negara Asia, negara-negara Barat dan negara-negara Timur. Antara negara-negara yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Singapura seperti Amerika Syarikat, Amerika Selatan, Amerika Utara, India, Sri Langka, Myamar (Burma), Australia, China dan Kepulauan Indonesia.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup> Lihat Lampiran 4.

<sup>64</sup> N.Tarling, 1969. *British Policy in the Malayan Peninsula and Archipelago 1824-1871*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Haji Buyong Adil, 1972. *Sejarah Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka, hlm. 179.

<sup>65</sup> Mardiana bt. Nordin, "Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks *Tuhfat al-Nafis*", hlm. 172.

Sektor ekonomi Johor masih lagi bertahan walaupun selepas perjanjian 1824. Singapura sebelum ini merupakan naungan Johor yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi Johor telah menjadi saingan pula kepada kepesatan ekonomi Johor. Sebelum kedatangan British, Singapura telah didiami oleh penduduk mencecah 1,200 orang dan Orang Laut merupakan sebahagian komuniti penting. Pedagang-pedagang Cina telah memulakan perdagangan gambir sebelum kedatangan British lagi. Penguasaan British ke atas Singapura menjadikan perdagangan di Singapura menjadi lebih penting. British bukan sahaja menjadikan Singapura sebagai pelabuhan antarabangsa malah menggalakkan kemasukan bangsa-bangsa dan suku-suku luar ke dalam Singapura. Selain daripada Singapura, Johor turut mengalami perkembangan ekonomi dan pertambahan penduduk yang pesat. Pada tahun 1837, penduduk Negeri Johor telah berjumlah lebih kurang 25,000 orang.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kerajaan Johor-Riau telah berjaya menjadi pusat perdagangan selama beberapa abad sebelum kuasa barat mendominasi perdagangan rantau Nusantara. Johor berjaya mengekalkan dan membina peradaban Melayu yang berdaulat dan memikul aspirasi bangsa Melayu sebagai bangsa berperadaban tinggi.<sup>66</sup> Bagi memantapkan sektor perdagangannya, Johor telah menggunakan pengaruh Orang Kaya untuk menarik pedagang supaya berlabuh di pelabuhan Johor. Ini menjadikan pelabuhannya sentiasa sibuk dengan urusan import dan eksport hampir sepanjang masa. Pedagang tertarik dengan Johor kerana infrastruktur perdagangan, peluang dan pasaran modal yang luas dan sistem matawang yang baik. Sokongan dan keyakinan pedagang untuk singgah di pelabuhan Johor secara tidak langsung memberi penghormatan kepada bangsa Melayu sebagai bangsa yang berkebolehan mengendalikan perdagangan antarabangsa. Justeru itu, tidak mustahil bagi Johor menjadi pusat intrepot perdagangan antarabangsa rantau ini pada abad ke-17 dan ke-18. Kewujudan golongan pemberesar yang berwibawa dan popular dalam masyarakat menjadi teras kemajuan negara. Antara mereka ialah Bendahara, Raja Indra Bongsu, Temenggung, Laksamana dan Kadi.<sup>67</sup> Kekuatan Johor terbukti pada keluasan wilayahnya pada tahun 1641, meliputi Sungai Kelang, Sungai Penagie (Kuala Linggi), sungai Siak, sungai Kampar, Bengalis, Ungaran, Pulau-pulau Karimun, Bulang, Bintan, Lingga dan pulau sekelilingnya, pulau Singapura, Batu Pahat, dan Muar. Dari kawasan-kawasan inilah Johor mendapat semua bekalan dan tenaga buruh bagi menguruskan sektor ekonominya.

<sup>66</sup> Hamid Abdullah, 1984. "Melaka sebagai Lambang Keagungan Nusantara: Pandangan dari Luar Tanah Melayu" dalam Abdul Latif Abu Bakar (Penyelengara). *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 1-2.

<sup>67</sup> Leonard Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 51.